

29/12/2003

Islam, negara membangun seiring

Habsah Dinin

DARI era pemerintahan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad membawa kepada peralihan tampuk kuasa kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pembangunan agama Islam sentiasa dititik beratkan.

Ini terbukti apabila Malaysia yang baru-baru ini menerima kunjungan pertama Menteri Pendidikan Brunei Darussalam, Datuk Abdul Aziz Umar, nyata terpegun dengan perkembangan tahap pendidikan agama di sini yang disifatkannya amat memberangsangkan.

Beliau melihat pendidikan ditawarkan di negara ini setanding dengan apa yang ada di negara Islam di Timur Tengah yang menawarkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran bermutu tinggi dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Berdasarkan kejayaan itu jugalah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan kepada Dr Mahathir, manakala Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Bidang Kemasyarakatan).

Rektornya, Prof Dr Mohd Kamal Hassan, berkata anugerah itu diberi sebagai penghargaan terhadap jasa dan sumbangan bekas Perdana Menteri itu kepada perkembangan pendidikan negara.

"Antara jasa besar beliau ialah mengasaskan UIAM yang kini menjadi universiti bertaraf dunia dengan 20,000 pelajar tempatan dan antarabangsa yang mengikuti pelbagai bidang pengajian," katanya.

Bukan setakat pendidikan Islam, Malaysia sebagai negara Islam terus memperhebatkan peranannya dalam usaha mewujudkan perdamaian dan menjadi model negara Islam yang wajar menjadi contoh kepada dunia Islam lain.

Ini termasuklah sektor perbankan Islam. Dalam hal ini, Abdullah meminta bank tempatan mengembangkan operasi dan produk perbankan Islam mereka ke luar negara, terutama ke negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Menurut beliau, bank tempatan terutama yang sudah beroperasi dengan menawarkan perkhidmatan perbankan konvensional di luar negara, termasuk di negara anggota OIC perlu meluaskan operasi masing-masing untuk turut meliputi perkhidmatan dan produk perbankan Islam.

Sementara pada Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di Beijing, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim mengumumkan kelulusan cadangan mewujudkan piawaian berhemat tadbir urus korporat baru bagi industri kewangan Islam global oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) yang berpangkalan di Kuala Lumpur.

Kelulusan itu dibuat selepas mesyuarat majlis IFSB yang dihadiri 12 gabenor bank pusat dan agensi kewangan serta presiden Bank Pembangunan Islam (IDB) di Manama, Bahrain. Pada mesyuarat itu Malaysia diwakili Gabenor Bank Negara (BNM) Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

IFSB adalah persatuan bank-bank pusat, agensi kewangan dan pertubuhan antarabangsa antara kerajaan yang mempunyai mandat utama untuk memperkenalkan kewangan Islam.

Dalam pada itu Malaysia juga perlu menubuhkan Jabatan Perundangan Syariah bagi menyediakan undang-undang muamalat kewangan Islam sebagai langkah membantu Mahkamah Sivil menyelesaikan pertikaian yang membabitkan kontrak perbankan dan insurans Islam.

Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Datuk Dr Abdul Monir Yaacob, pula mencadangkan penubuhan Jabatan Perundangan Syariah bagi menyedia dan untuk menyusun undang-undang bertulis dalam bidang muamalah kewangan Islam.

Ini bagi membantu Mahkamah Sivil menyelesaikan pertikaian membabitkan kontrak perbankan dan insurans Islam. Ia akan memudahkan hakim dan peguam berhujah menggunakan prinsip Islam dan tindakan yang boleh diambil

sekiranya berlaku perlanggaran perjanjian contohnya di antara peminjam dengan pihak bank.

Isu Sekolah Agama Rakyat (SAR) juga sudah mendapat jawapannya apabila 833 guru SAR dari seluruh negara mengikuti Kursus Dalam Cuti (KDC) berdasarkan modul Latihan Pengajaran Berasaskan Sekolah (LPBS) dalam tempoh antara 16 bulan dan tiga tahun di 12 maktab perguruan seluruh negara, mulai 8 Disember lalu.

Mereka yang dilantik Jabatan Pendidikan negeri masing-masing sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih di sekolah rendah dan menengah kerajaan itu perlu mengikuti kursus berkenaan sebelum diserap ke dalam perkhidmatan awam. Guru yang memiliki ijazah mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), diploma (Kursus Perguruan Lepas Diploma - KPLD), manakala Sijil Pelajaran Malaysia (Kursus Diploma Pendidikan Malaysia - KDPM).

Warga Islam di negara ini sebenarnya sangat prihatin dengan nasib umat Islam di luar negara. Misalnya, Pergerakan Revolusi Pemikiran Rakyat (Revo) bekerjasama dengan Bantuan Muslim Australia (MAA) bagi melancarkan Qurban for Life 2004 yang membolehkan rakyat Malaysia melakukan ibadat korban dan daging itu diagihkan kepada umat Islam yang memerlukan.

Menerusi program yang dianjurkan Revo, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan, daging kambing yang dikorbankan itu akan ditin dan diedarkan kepada umat Islam di negara seperti Bangladesh, Palestin, Somalia, Iraq, Sudan, Afghanistan dan Kemboja.

Penaung Revo, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata program itu mengembangkan amalan ibadat sedekah yang sistematik dan profesional serta diedarkan kepada umat Islam yang benar-benar memerlukan.

Bagaimanapun, Abdullah terkilan apabila Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) membuat kenyataan yang menyenaraikan Malaysia sebagai antara negara yang tidak mengamalkan kebebasan beragama.

"Cuba tanya yang beragama Kristian dan Buddha. Jangan tanya saya. Saya cakap dia (jabatan itu) tidak percaya. Tanya orang lain dan mereka akan kata kita amal kebebasan beragama," katanya sebagaimana dilaporkan akhbar baru-baru ini.

Peranan Malaysia dalam usaha perdamaian adalah jelas. Di mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Malaysia selaku Pengerusi semasa, mengajak Barat mengubah persepsi terhadap dunia Islam bagi menamatkan persengketaan di antara kedua-dua tamadun itu yang berterusan, terutama selepas tragedi 11 September 2001.

Bagaimanapun, ada beberapa perkara yang perlu diperbetulkan segera membabitkan maruah generasi muda Islam negara ini. Antaranya seperti peningkatan kes jenayah syariah terutama khalwat dan cubaan perisetubuhan haram yang mana kedua-dua kes itu mencatatkan perangkaan tertinggi berbanding kes lain membabitkan kalangan remaja.

Begitu juga kerajaan digesa memperuntukkan satu akta khusus untuk mengekang penyalahgunaan logo 'Halal' sesuka hati oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Presiden Persatuan Pengguna Malaysia, Profesor Datuk Hamdan Adnan, berkata akta berkenaan diharap dapat menyekat pihak tertentu supaya tidak menggunakan logo 'Halal' bagi memasarkan produk yang diragui kehalalannya.

"Peniaga tidak bertanggungjawab lebih mudah mendapatkan logo 'Halal' berbanding peniaga jujur kerana mereka tidak memerlukan sebarang pengesahan daripada Jabatan Agama Islam Negeri atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)," katanya.

Terakhir seramai 60 qari dan qariah dari 42 negara menyertai Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa ke-45 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), mulai 17 hingga 23 Disember lalu.

Daripada jumlah itu, 42 qari dan 21 qariah termasuk dari Ukraine, pertama kali menyertai tilawah dirasmikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.